

28 JAN 2002

Sukan-Kart

AS DAN JEPUN SERTAI KART INDY 40 ENDURO LANGKAWI 2002

LANGKAWI, 28 Jan (Bernama) -- Amerika Syarikat dan Jepun telah menyatakan persetujuan untuk menyertai Kejohanan Indy 40 Enduro Langkawi 2002 merebut Piala Perdana Menteri sempena Hari Kebangsaan di Litar Antarabangsa Kart Morac di sini pada 10 dan 11 Ogos depan.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Mofaz, Ahmad Tifli Talha hari ini berkata persetujuan itu dinyatakan semasa negara berkenaan menyertai Kejohanan Kart Rotax Max Grand Finals di sini semalam yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pelumba Afrika Selatan, Claudio Piazza Musso menjuarai kejohanan itu dengan masa 25 minit 57.88 saat, tempat kedua Scott Auld dari Australia (25:58.96s) dan ketiga Martin Pierce dari United Kingdom (25:59.66s).

Ahmad Tifli berkata selain dua negara itu, beberapa negara lain dijangka turut memberi persetujuan untuk menyertai kejohanan berkenaan.

"Kita mengambil peluang mengadakan promosi kejohanan itu semasa berlangsung Kejohanan Kart Rotax Max di sini," katanya.

Beliau berkata kejohanan Indy 40 menyediakan hadiah keseluruhan bernilai RM100,000 dengan juara akan menerima RM40,000, naib johan RM30,000, ketiga RM20,000 dan keempat RM10,000.

Beliau berkata kejohanan itu dijalankan tanpa henti selama empat jam dengan setiap pasukan dianggotai empat pelumba.

Mengenai cadangan Jepun untuk menganjurkan kejohanan Indy 40 Enduro, beliau berkata negara berkenaan belum bersedia dan mungkin akan berbuat demikian di masa depan.

Sementara itu, Ahmad Tifli berkata sebanyak lima siri kejohanan Rotax Max peringkat kebangsaan akan diadakan mulai bulan depan sebagai usaha melahirkan pelumba berkaliber untuk membawa cabaran negara.

Kuala Lumpur dan Langkawi menjadi gelanggang perlumbaan itu yang bermula pada 9 dan 10 Mac ini dan berakhir pada 19 dan 20 Okt, katanya.

Beliau berkata kejayaan empat pelumba negara memasuki peringkat akhir pada kejohanan semalam sudah menjadi kebanggaan kerana pada kejohanan pertama di Puerto Rico tahun lepas, tiada seorang wakil negara berjaya ke peringkat akhir.

-- BERNAMA

ZI/MAN ZB